

MIC mahu kerajaan selesai isu gaji pekerja ladang

UM 20 MAY 2002

SHAH ALAM 19 Mei — MIC mahu kerajaan campur tangan dalam menyelesaikan isu gaji bulanan pekerja ladang yang telah berlarutan hampir dua tahun.

Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, beberapa rundingan antara Persatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NU-PW) dan Persatuan Pengeluaran-Pengeluaran Pertanian Tanah Melayu (MAPA) telah diadakan tetapi mencapai jalan buntu.

Katanya, rundingan-rundingan sebelum ini hanya dapat menyelesaikan masalah gaji bulanan pekerja ladang sawit sedangkan isu yang sama dialami oleh pekerja ladang getah masih gagal mencapai penyelesaian.

"Sehubungan itu, kami memohon kerajaan campur tangan dan mendapatkan

penyelesaian dengan segera untuk masalah ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Agung MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Samy Vellu menegaskan, pengurusan ladang hanya mementingkan keuntungan maksimum sedangkan pada masa sama pekerja diberi gaji rendah.

"Kelemahan pekerja ladang bukanlah kegagalan mereka sebaliknya kegagalan institusi," tegasnya.

Dalam pada itu, Samy Vellu menyarankan Kementerian Pembangunan Usahawan menubuhkan satu dana khas untuk membantu pembentukan masyarakat perniagaan dan komersial di kalangan kaum India.

Menurutnya, syarat-

syarat pinjaman ketat yang dikenakan oleh institusi kewangan dan perbankan menimbulkan masalah kepada usahawan-usahawan baru yang ingin mencuburkan diri dalam industri kecil dan sederhana.

Beliau juga menyeru kepada kaum India supaya bersedia menerima perubahan dan mempersiapkan diri menghadapi transformasi dunia.

Katanya, mereka perlu melahirkan pekerja yang mampu bekerja sendiri dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak dalam memenuhi tuntutan ekonomi moden.

"Kita perlu mencapai suatu tahap yang membolehkan kita menjadi masyarakat yang kreatif dan inovatif," jelasnya.

Mengenai penubuhan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia, Samy

Vellu berkata, MIC bertekad mahu memberi perhatian kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menjayakan projek universiti itu.

"Kita juga amat menghargai pengorbanan beribu-ribu anggota parti kita yang telah menyumbangkan kepada tabung pembangunan universiti berkenaan," jelasnya.

Samy Vellu turut memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir yang berjaya memberi mesej jelas dalam pertemuan bersejarah dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush serta para anggota kanan pentadbirannya di Washington D.C.

"Beliau tidak pergi berseorangan ke Washington tetapi dengan sokongan penuh lebih 100 negara," katanya.